



5 negeri alami kekurangan bekalan air

» **Beberapa kawasan dikesan belum terima hujan**

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Musim peralihan monsun yang sepatutnya membawa suasana lembap akibat hujan lebat dan petir dikesan kurang dirasai ketika ini kerana bahang musim panas masih melanda negara.

Walaupun terdapat hujan khususnya pada waktu petang, cuaca di seluruh negara masih panas, malah suhu di beberapa daerah juga mencecah sehingga 38 darjah Celsius, sekali gus mencapai paras gelombang panas.

Beberapa kawasan di Johor, Pahang, Kedah, Perak dan Selangor dikesan tidak menerima hujan yang banyak sehingga mengakibatkan bekalan air daripada empangan dan sungai semakin berkurangan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail, berkata musim peralihan monsun sedang melanda negara apabila cuaca hujan dan ribut petir lebih kerap berlaku pada sebelah petang dan senja.

Belum terima hujan

Bagaimanapun, katanya, daerah di beberapa negeri masih tidak menerima hujan yang banyak hingga menyebabkan cuaca

kekal panas.

“Hujan dan ribut petir mula dikesan di beberapa tempat termasuk di ibu negara dan itu menandakan musim peralihan monsun mula berlaku tetapi sebahagian besar kawasan di negeri lain masih kekal panas,” katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Kelmarin, BH melaporkan lebih 1.4 juta pengguna di tujuh daerah di Johor, Pahang, Kedah, Perak dan Selangor akan menghadapi gangguan berikutan bekalan air daripada empangan dan sungai ke 13 Loji Rawatan Air (LRA) bersaiz kecil mengalami penurunan disebabkan fenomena El Nino.

Sementara itu, menerusi satu kenyataan Jabatan Meteorologi, kejadian hujan dan ribut petir

“**Hujan dan ribut petir mula dikesan di beberapa tempat termasuk di ibu negara dan itu menandakan musim peralihan monsun mula berlaku tetapi sebahagian besar kawasan di negeri lain masih kekal panas**”

Che Gayah Ismail,
Ketua Pengarah
Jabatan Meteorologi

pada sebelah petang mula berlaku dan dijangka semakin kerap menjelang hujung bulan ini atau awal bulan depan.

Musim Monsun Barat Daya

“Mulai Jun hingga September tahun ini, negara akan mengalami musim Monsun Barat Daya dengan keadaan cuaca yang secara relatifnya lebih kering dan kurang taburan hujan,” kata kenyataan itu.

Kenyataan itu berkata, operasi pembenihan awan akan diteruskan dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi menangani cuaca panas dan kekurangan air di empangan.

Kelmarin, operasi dari Pangkalan TUDM Subang pada jam 2 hingga 4.40 petang itu memba-

bitkan kawasan Empangan Durian Tunggal, Melaka dan Empangan Gemencih serta Sepri di Negeri Sembilan.

“Operasi di utara Semenanjung dengan kaedah pembakaran flare membabitkan kawasan Empangan Timah Tasoh di Perlis; Empangan Pedu, Muda dan Beris di Kedah serta Empangan Bukit Merah di Perak pada jam 1.28 petang hingga jam 3.45 petang,” katanya.

Sehingga semalam, cuaca panas masih dikesan di beberapa tempat seperti Kuala Krai, Kelantan (38.4 darjah Celsius), Temerloh (38.2 darjah Celsius) dan Batu Embun, Pahang (38.1 darjah Celsius), Lubok Merbau, Perak (37.2 darjah Celsius) dan Chuping, Perlis (37 darjah Celsius).

Kesan air surut dapat dilihat di pintu air Empangan Alor Limpah Selatan, Bukit Merah.

[FOTO SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI/BH]



Paras sekarang



Paras empangan terus menyusut

Kangar: Takungan air di Empangan Timah Tasoh terus meredondkan penyusutan semalam dan kini hanya berbaki 0.03 meter (m) saja untuk mencapai paras ditetapkan bagi kerajaan negeri memutuskan tindakan catuan air dilakukan.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis, Abdul Najib Abdullah, berkata catuan air hanya dilakukan jika mendapat kelulusan Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man selepas takungan menyusut melepasi paras ditetapkan itu.

“Jika catuan air terpaksa dilakukan, kawasan terbabit hanya di sekitar utara negeri khususnya Besei, Chuping, Padang Besar, Kaki Bukit dan Titi Tinggi, membabitkan kira-kira 13,000 akaun pengguna domestik,” katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, ketika meninjau keadaan di Empangan Timah Tasoh pula berkata, penggunaan kaedah telaga tiub untuk menyedut air bawah tanah dianggap langkah terbaik membantu meningkatkan paras takungan di empangan itu.

Katanya, cadangan pembinaan telaga tiub itu sudah diusulkan kepada JPS Perlis dan diharap dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Di **Perak**, dua empangan yang menjadi sumber bekalan air untuk kegunaan sebahagian penduduk di negeri ini hanya mampu bertahan antara 51 hingga 74 hari jika tiada hujan sepanjang tempoh berkenaan.

Takungan di Empangan Air Kuning di Taiping dan Empangan Sultan Azlan Shah di Hulu Kinta yang dikendalikan Lembaga Air Perak (LAP) itu semakin menyusut.

Belum terjejas

Empangan Bukit Merah di daerah Kerian dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga turut mengalami penurunan paras air ketara hingga jadual pengairan air ke sawah padi ditangguhkan, namun bekalan kepada pengguna belum terjejas.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air negeri, Datuk Zainol Fadzi Paharudin berkata, penyusutan paras air Empangan Bukit Merah memberi kesan kepada pesawah kerana air tidak dapat disalurkan ke 15,000 hektar kawasan penanaman di daerah Kerian terutama Selinsing dan Gunung Semanggol.

Perak antara empat negeri yang Loji Rawatan Air (LRA) berdepan masalah kekurangan air akibat fenomena El Nino yang melanda negara.

Di **Kedah**, masalah kekeringan air bukit dari Gunung Jerai sejak hujung Februari lalu, menyebabkan ramai pengguna berdepan

masalah bekalan.

Jurucakap Syarikat Air Darul Aman (SADA) berkata, sekurangnya 1,500 akaun pengguna dari empat kawasan yang bergantung kepada sumber air bukit dari Gunung Jerai iaitu di Gurun, Merbok, Semeling dan Tanjung Dawai terjejas akibat masalah itu.

“Kita percaya jika kawasan Gunung Jerai kembali menerima hujan, masalah di tiga LRA berkenaan dapat diselesaikan apabila ia beroperasi seperti biasa,” katanya.

Di **Pahang**, seramai 8,109 penduduk terjejas akibat keadaan cuaca panas. Pegawai Perhubungan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Nurul Farhana Abdul Hamid, berkata kawasan Lipis paling terjejas teruk membabitkan gangguan bekalan air kepada 6,149 penduduk.

“Loji air di Jelai dan Batu 9 Lipis tidak dapat beroperasi pada tahap maksimum akibat paras air di Sungai Jeli semakin surut.

“Antara kawasan terjejas teruk ialah seluruh kawasan Lipis ke Terengganu, Jeram Bungor, Kampung Batu 10, Benta dan kawasan tinggi dalam bandar Lipis,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Nurul Farhana berkata, masalah gangguan turut berlaku di FELDA Chini 1, 2, 3, 4, 5 dan FELDA Chini Timur 1 serta 2, selain penempatan Orang Asli sekitar Sekolah Kebangsaan (SK) Gumum dan SK Chini Timur.

Gagal beroperasi

“Kawasan Temerloh juga mengalami masalah air membabitkan 460 pengguna di bandar Mentakab, Lanchang dan bandar Temerloh berikutan Loji Air Lubuk Kawah gagal beroperasi dengan baik akibat paras air Sungai Pahang yang surut.

Di **Johor**, bekalan air berjadual dimulakan membabitkan 84,935 pengguna di Kota Tinggi dan Mersing kerana paras air di Empangan Congok di Mersing semakin kritikal.

Syarikat Air Johor (SAJ) Holdings Sdn Bhd dalam kenyataan semalam, berkata Sungai Sedili Kecil yang menyalurkan air mentah ke Loji Lok Heng menurun kepada 1.58 meter berbanding paras amaran iaitu 1.50 meter.

Katanya, SAJ akan menghantar bekalan air berjadual ke kawasan FELDA Bukit Waha, FELDA Bukit Easter, FELDA Simpang Waha, Kuari Waha, FELDA Lok Heng Barat, FELDA Lok Heng Timur, FELDA Lok Heng Selatan dan Bukit Tentera bermula Isnin ini hingga 15 Mei.

Bekalan air berjadual turut dilaksanakan di sekitar Kota Tinggi mulai 20 April hingga 15 Mei apabila Sungai Gembut yang membekalkan air mentah ke loji Sungai Gembut semakin merosot.

Sebelum



Selepas



Keadaan sebelum dan selepas berlaku fenomena cuaca panas melampau di Loji Air Chini, Pekan.

FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR BH